

Maqasid Shari'ah dalam Pewarisan Harta: Analisis Terhadap Amalan Penamaan Insurans di Singapura

Suhaimi Mustar*, Nasrul Hisyam Nor Muhamad

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: suhaimi.mustar@yahoo.com

Abstract

The properties are among the five important things that need to be preserved in the Islamic Shari'ah using financial management mechanisms to meet the fair and clear principles of maqasid Shari'ah (Shari'ah Objectives). Although many researchs have been done in this area but, this article focuses on five main themes. That is, the maqasid Shari'ah and its importance in financial management. Next, the relationship between maqashid Shari'ah and ijtihad in financial management. Furthermore, maqashid Syaria'ah and insurance nomination. Finally, analysis the elements of magashid Shari'ah in fatwa on insurance nomination. Although the study represents these themes, the study focused on Singapores' fatwa on the issue of succession in the insurance nomination and its integration with the maqashid theory as a way out to new problems of society.

Keywords: Maqasid Shariah; inheritance; nomination; Insurance; Islamic law in Singapore

Abstrak

Harta adalah di antara lima perkara penting yang perlu dipelihara dalam Syari'at Islam dengan menggunakan mekanisme pengurusan kewangan yang adil dan jelas untuk menepati prinsip maqasid Syari'ah (tujuan Syari'ah). Sekalipun banyak kajian telah dibuat dalam bidang ini akan tetapi, artikel ini memberi tumpuan kepada lima tema utama. Iaitu, maqasid shari'ah dan kepentingannya dalam pengurusan kewangan. Seterusnya, hubungan antara maqashid Syari'ah dengan ijtihad dalam pengurusan kewangan. Selanjutnya, maqashid Syari'ah dan nominasi insurans. Terakhir, analisis elemen maqashid Syari'ah dalam fatwa berhubung nominasi insurans. Walaupun kajian mewakili tema-tema ini, namun fokus kajian tertumpu kepada fatwa di Singapura mengenai isu pewarisan dalam nominasi insurans dan kesepaduannya dengan teori maqasid sebagai jalan keluar kepada permasalahan baru masyarakat.

Kata kunci: Maqasid Shari'ah; pewarisan harta; nominasi; insurans; Undang-Undang Islam di Singapura.

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Artikel ini disajikan dengan lima bahagian utama dimulakan dengan pengertian maqasid Syari'ah secara ringkas menurut pandangan ulama' dulu dan sekarang yang dipetik dari sumber al-Quran. Bahagian seterusnya, membincangkan tentang kesepaduan maqashid Syari'ah dan ijtihad dalam setiap hukum khususnya dalam pengurusan kewangan. Bahagian selanjutnya, membincangkan mengenai amalan nominasi insurans di Singapura, pertembungan di antara undang-undang Sivil dan undang-undang Islam. Akhir sekali, menganalisis fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa fatwa MUIS dalam isu nominasi insurans bertujuan mencari penyelesaian masyarakat Islam dan diikuti penutup yang dimuatkan dengan kesimpulan menjelaskan tentang kaitan antara maqashid, hukum pewarisan dan nominasi insurans serta cadangan agar artikel ini dapat membuka laluan untuk dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain.

2.0 MAQASID SYARI'AH

2.1 Pengertian Maqashid

Secara ringkas pandangan ulama' dulu dan sekarang tentang penertian maqasid Syari'ah. Menurut al-Qardawi: Ianya, adalah "Ketetapan Allah dan RasulNya sepertimana yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah" (al-Qardawi, 2007: 16-22). Menakala al-Shatibi pula, "Kewajipan melaksanakan tanggungjawab syari'ah kembali kepada memelihara matlamat asal pensyariatan ke atas manusia, matlamat syari'ah ini tidak lari dari menjaga tiga perkara iaitu, kemestian (*dharuriyyah*), keperluan (*hajiyyah*), dan kemewahan (*tahsiniyyah*)" (al-Shatibi, 1997: 2:22, 267). Al-Ghazali Ibn al-Hajib dan al-Shatibi mentakrifkan *dharuriyyat* sebagai memelihara dan menjaga lima asas iaitu, agama (*din*), kehidupan (*nafs*), akal (*aql*), kekayaan (*mal*) dan keturunan (*ansab*) (al-Ghazali, 1993: 1/172; Majma' Fiqh al-Islami, 1998: bil 11. 2). *Hajiyyah* merujuk kepada unsur-unsur menyokong keperluan asas yang bertujuan untuk menghapuskan kesusahan dan memudahkan kehidupan manusia di dunia ini. Ketiadaan *hajiyyah* tidak mengganggu hidup manusia, tetapi ia diperlukan untuk membantu

meringankan hidup, ini termasuk penggunaan pengangkutan tertentu untuk perjalanan ulang-alik dari satu tempat ke satu tempat, penggunaan kontrak tertentu seperti kontrak *al-Salam* untuk memudahkan masyarakat dalam muamalat jual beli. Akhirnya, *tahsiniyyat* adalah keperluan tambahan. Ia semata-mata melengkapkan keperluan manusia. Seperti, mencantikkan, memperbaiki dan memperhalusi keperluan tambahan tanpa mendatangkan mudarat seperti makan makanan yang lazat dan memakai pakaian yang cantik (al-Shatibi, op.cit, 2: 325).

2.2 Pengertian Tepat Maqashid

Maqasid Syari'ah dalam aktiviti muamalat seperti ekonomi dan insurans perlu melihat kepada tujuan syarak yang lebih luas iaitu, untuk menjaga kepentingan semua manusia dan melindungi mereka daripada bahaya (Ibn Qayyim, 1973, 3:3). Kerana, ini adalah merupakan asas keperluan manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Seperti dinyatakan oleh al-Ghazali: "Mencegah kehilangan kelima-lima asas (*usul*) dan melindunginya tidak boleh diabaikan dalam mana-mana agama (*millah*) atau sistem undang-undang (Syari'ah) yang bertujuan menjaga kebaikan dan kemaslahatan manusia" (al-Ghazali, 1993: 1: 417). Ianya juga merangkumi soal ibadat, muamalat, adat dan jinayat (al-Shatibi, op.cit, 2: 18-20). Jika diteliti definisi-definisi yang dikemukakan oleh para ulama' tersebut, definisi yang paling tepat, padat dan merangkumi seluruh konsep maqasid ialah definisi yang dikemukakan oleh al-Raisuni. Kesimpulannya maqasid Shari'ah ialah "matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia". Oleh itu, objektif Syari'ah Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia, termasuk kesejahteraan ekonomi dan keadilan sosial bagi mendapat restu daripada Allah SWT (al-Raisuni, 1992: 15).

3.0 MAQASHID DAN IJTIHAD DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

3.1 Kedudukan Maqashid Dalam Ijtihad

Jumhur ulama' berpendapat bahawa hukum-hukum Shara' mengandungi hikmah dan maqashidnya yang tersendiri yang mana ianya berkisar tentang menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Pengamatan terhadap hukum-hukum ini telah menghasilkan satu jalinan kaitan yang rapat antara hukum Shara' dan maqasidnya (al-Misawi, 1998: 82). Justeru dalam proses memahami hukum, seorang faqih bukan sahaja perlu memahami dalil-dalil hukum tersebut, malah perlu memandang lebih jauh lagi iaitu aspek maqasid hukum tersebut disyariatkan. Antara bukti yang mengukuhkan kedudukan maqashid sebagai hujah selain al-Quran dan al-Sunnah adalah ijtihad. Di zaman sahabat, mereka telah mengaplikasikan konsep maqashid Shara' di dalam setiap ijtihad yang mereka lakukan (al-Qardawi, 1997: 232). Berbanding dengan zaman Rasulullah S.A.W. memandangkan banyak perkara-perkara baru yang tiada nas timbul hasil daripada peredaran zaman dan perkembangan semasa (Nuruddin Mukhtar, 1998: 92). Menurut Ahmad bin Hanbal, perbuatan para sahabat berpunca daripada pemahaman mereka tentang maqashid Shara' seperti ijtihad mereka mengumpulkan al-Quran di dalam satu mashaf, menjatuhkan talak tiga dengan satu lafaz, tidak membahagikan tanah rampasan perang kepada tentera. (ibid: 96). Begitu juga zaman para tabi'in, mereka mewarisi secara praktikal pengambilkiraan maqashid Shara' dalam mengeluarkan hukum yang berkisar kepada menarik *maslahah* dan menolak *mafsadah* (Abdul Karim Zaidan, 1990: 114).

3.2 Pendekatan dan Syarat Ijtihad

Seterusnya pendekatan berijtihad seumpama ini diwarisi sehingga ke zaman imam mujtahid dan hari ini. Hakikat ini telah diperakui oleh jumhur ulama' usul dan furu' lebih lebih lagi apabila ulama' usul telah mensyaratkan untuk seorang mujtahid melakukan ijtihad mestilah memahami maqasid syari'yyah. Sehubungan dengan itu, pentafsiran nas secara lateral semata-mata tanpa melihat kepada maqasid Shara' di sebaliknya adalah bertentangan dengan tabiat tasyri' itu sendiri (al-Duraini, 1997: 49). Al-Imam al-Syafi'e mengambil langkah merujuk kepada maqasid Shara' sebagai satu kaedah dalam berijtihad apabila tiada nas dari al-Quran atau al-Sunnah atau hadith ahad. Seterusnya, sekiranya beliau tidak mendapati apa-apa masalah umum atau kepentingan umum beliau akan berpindah kepada sumber *ijma'*. Al-Imam al-Ghazali juga mengambil kira aspek masalah sekiranya ada tanda-tanda ianya adalah maqashid Shara' (al-Ghazali, 1400: 355). Al-Imam al-Syatibi dilihat lebih tegas dalam hal ini apabila beliau menyifatkan mujtahid yang cuai dalam aspek maqasid Shara' sebagai ulama' yang menyeleweng dari agama (al-Shatibi, op.cit, 4: 170). Menurut 'Ilal al-Fasi, peranan maqashid Shara' bukan sahaja pada kes-kes yang tidak dinaskan malah menjangkaui hukum-hukum yang dinaskan sebagaimana yang berlaku dalam kes penundaan 'Umar hukum hudud bagi pencuri pada tahun kelaparan. Ibn 'Asyur pula mengukuhkan pendapat kepentingan memahami maqashid Shara' dalam proses melakukan ijtihad melalui lima perkara berikut:

- a) Memahami nas berdasarkan istilah bahasa dan Shara'.
- b) Meneliti nas *dinasakh*, *ditaqyid*, *ditakhsis* atau ada nas lain yang lebih utama.
- c) Mengenal *'illat* hukum dan melakukan *qiyas* berasaskannya.
- d) Menentukan hukum bagi kes yang tidak dinaskan dengan menggunakan *qiyas*.
- e) Menentukan hukum *ta'abbudi* seadanya.

Menurut Dr. Yusuf Hamid al-Alim, "Memahami maqashid Shara' bukan sahaja penting bagi mujtahid malah meliputi semua mukallaf agar kehendak mereka dalam tindak tanduk mereka selari dengan kehendak Shara'". (Yusuf Hamid, 1991: 106).

3.3 Maqashid dalam Setiap Hukum

Setelah dijelaskan kedudukan maqashid dalam setiap hukum yang disyariatkan dan peranan ijtihad dalam perkara-perkara yang tidak ada nas khusus atau yang ada nas mengukuhkan lagi kedudukan maqashid. Banyak isu-isu masyarakat masakini memerlukan jawapan dari segi Shara'. Hal ini disebabkan urusan kehidupan semakin rumit, masyarakat bertambah maju dari sudut pemikiran, tingkah laku dan sosio-

budaya, ditambah pula dengan perkembangan pesat sistem perhubungan dan teknologi maklumat (al-Qaradawi, 1408). Berdasarkan hakikat ini, keperluan kepada ijtihad juga sangat mendesak dalam bidang pengurusan kewangan khususnya di Singapura dengan bertambahnya ruang lingkup atau skop pengurusan harta yang boleh dikategorikan sebagai harta pusaka, selaras dengan perubahan gaya hidup, sumber pendapatan masyarakat, kedudukan lokaliti masyarakat Islam dan sosio-ekonomi. Perbezaan dari sudut lokaliti membawa kepada keperluan yang berbeza, seterusnya menyaksikan penetapan hukum yang berbeza juga dengan lain-lain lokaliti. Dalam konteks perwarisan harta, ijtihad baru diperlukan bagi menangani isu-isu perwarisan di Singapura yang barangkali berbeza dengan di Malaysia. Oleh yang demikian, apabila sesuatu instrumen agihan harta diputuskan sebagai sah oleh pihak berautoriti mengeluarkan fatwa di Singapura, maka keputusan tersebut dikeluarkan antara lain setelah menilai keperluan masyarakat di negara tersebut. Hal ini sebenarnya selari dengan tujuan Syari'ah Islam (*maqashid Syari'ah*) dalam menetapkan hukum sesuatu perkara iaitu untuk mencapai kemaslahatan dan menolak kerosakan daripada berlaku, asal sahaja tidak bercanggah secara jelas dengan dalil-dalil *qat'i* (al-Shatibi, op.cit, 2: 3-4).

3.4 Pendekatan Ijtihad

Ijtihad yang dilakukan oleh institusi rasmi kerajaan itu boleh menggunakan tiga pendekatan iaitu sama ada dengan kaedah memilih pandangan-pandangan fiqh yang terkuat daripada mazhab-mazhab yang muktabar, mengeluarkan hukum berdasarkan dalil yang sabit serta bersandarkan kepada objektif syariat secara umum dan yang terakhir mengeluarkan hukum baru yang tidak pernah dibincangkan oleh ahli fiqh sebelum ini berpandukan kepada dalil-dalil syarak (al-Qaradawi, 1396H). Oleh itu, ijtihad dan maqasid Shari'ah tidak dapat dipisahkan kerana ijtihad menurut al-Amidi adalah, menumpukan sepenuh usaha dalam menghasilkan hukum syarak yang bersifat *zanni* (tidak pasti) sehingga seorang merasa tidak mampu lagi melakukan lebih dari itu (al-Amidi, 2003, 4: 218). Dengan lain perkataan satu usaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan kesempurnaan semaksima mungkin dalam sesuatu perkara, manakala objektif Shari'ah pula adalah untuk mencapai kemaslahatan manusia dunia dan akhirat termasuk bidang pewarisan harta dalam apa jua bentuknya. Ijtihad terhadap isu-isu harta tak harus tertumpu kepada analisis nas-nas dan hukum-hukum fiqh klasik semata-mata. Sebagai contoh, isu *nuzriah* yang dibolehkan oleh Jawatankuasa Fatwa MUIS dan diamalkan oleh sebahagian masyarakat Islam dalam pengurusan pewarisan harta di Singapura merujuk kepada maqashid Shara' (MJF 5 2007-2010)

■4.0 MAQASID SHARI'AH DAN NOMINASI INSURANS

4.1 Insurans dan Keperluannya

Insurans dengan berbagai produknya adalah sebahagian aktiviti kewangan yang perlu diurus dengan sempurna dan boleh menjadi sebahagian harta pewarisan. Ianya boleh dikategorikan dalam muamalat *hajiyyat*, iaitu unsur-unsur yang menyokong keperluan asas bagi memenuhi maqasid Syari'ah dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, insurans kesihatan atau insurans nyawa masakini dianggap sebagai satu keperluan walaupun tidak sampai ke tahap kemestian bagi kebanyakan masyarakat yang tinggal di negara maju seperti di Singapura. Ini disebabkan kos penjagaan kesihatan dan sara hidup yang tinggi mendorong masyarakat di negara berkenaan membeli pelbagai jenis produk insurans sebagai perlindungan diri dan keluarga apabila ditimpa kesusahan. Oleh itu, ijtihad baru diperlukan oleh 'ulama' tempatan bagi menghuraikan kedudukan hukum membeli dan menominasi insurans supaya masyarakat tidak melakukan amalan atau transaksi yang haram dan tidak menepati tujuan Syari'ah. Matlamat dan aspirasi amalan nominasi dalam insurans di Singapura untuk membantu waris lain mengecapi kebahagiaan di dunia dan akhirat, dengan jaminan pampasan kewangan, kesihatan dan mengurangkan kadar risiko tanpa unsur-unsur yang dilarang seperti *riba'* (faedah), *maysir* (perjudian) dan *gharar* (ketidaktentuan). Terdapat hubungan bersepadu antara objektif Syari'ah dan objektif nominasi dalam polisi insurans.

4.2 Pandangan Ulama' Mengenai Insurans

Ulama' berbeza pendapat mengenai hukum menyertai sesuatu skim insurans, beberapa ulama' berpendapat bahawa sebahagian dari skim-skim insurans yang ada adalah dibenarkan di dalam Islam berdasarkan keperluan masyarakat¹ (Majma' Fiqh al-Islami, 1985. bil. 9.2). Sebahagian ulama' lain pula berpendapat sebaliknya, kerana terkandung di dalamnya unsur *syubhah* (kesamaran) dan *gharar* (ketidaktentuan) sama ada dari segi cara pengumpulan dana ataupun cara pelaburan dan sebagainya² (Majma' Fiqh al-Islami, 1985). Namun, Jawatankuasa Fatwa mengambil kira perubahan keadaan ekonomi dan demografi yang mendorong seseorang untuk merancang kewangannya, sama ada bagi menghadapi umur senja ataupun bagi keperluan masa depan keluarganya. Dengan pilihan pelaburan yang agak terhad bagi masyarakat yang memiliki pendapatan yang rendah ataupun sederhana, sebahagian mereka memilih untuk melakukan perancangan kewangan mereka di dalam bentuk insurans. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa setiap individu Muslim yang ingin menyertai mana-mana skim insurans bertanggungjawab memilih skim yang menepati Shara' berpandukan kepada pandangan ulama' yang diyakininya (Soal Jawab Agama, 2012: 9).

4.3 Maqashid Untuk Kesejahteraan

Menyedari bahawa maqasid Syari'ah adalah untuk kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat dan skopnya meliputi semua aktiviti-aktiviti ibadah dan muamalah, termasuk kegiatan kewangan dan pewarisan, maka, maqasid Syari'ah dalam nominasi insurans membenarkan objektif Syari'ah dalam merealisasikan *maslahah* (manfaat) dan menangkis *mafsadah* (kemudaratan) dalam kehidupan manusia. Mempunyai polisi insurans menjadi isu amat penting bagi kebanyakan individu masyarakat di Singapura atas sebab-sebab yang telah

¹Di antara mereka yang mengizinkan pemilikan sebahagian skim insurans: Dr. Mustafa Zarqa', Dr. Ali Jumaah Mufti Mesir dan Dar Al-Ifta' Al-Misriyah.

²Di antara mereka yang mengharamkan segala jenis insurans: Sheikh Ibn Abidin Al-Hanafi r.h, Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq dan Majma' Fiqh Islami (bernaung di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam- OIC).

disebutkan dan membeli insurans berkaitrapat dengan isu pewarisan apabila berlaku kematian ke atas pemegang polisi. Hal ini akan dikupas dalam bahagian selanjutnya.

■ 5.0 ANALISIS FATWA NOMINASI INSURANS

5.1 Urutan Fatwa Nominasi Insurans

Sebelum dianalisis fatwa lebih lanjut, ingin dijelaskan bahwa isu mengenai insurans telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa (JKF), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sejak dari tahun 1971. Sejak itu, beberapa buah fatwa telah dikeluarkan antara tahun 1971 hingga 2012. Urutannya adalah seperti berikut:

- a) Fatwa 1971: Fatwa 1971 menekankan bahawa wang ganti rugi yang diperolehi si mati itu dikira sebagai harta pusaka (MJF 25/26 27.4. 1971). Manakala kedudukan Penama dalam polisi insurans dan CPF hanya dikira sebagai wakil/pengamanah sahaja (MJF32. 30.10.1971).
- b) Fatwa 1998: Jawapan serupa fatwa 1971 diberikan oleh JKF mengenai pertanyaan tentang kedudukan wang pampasan insurans Estet al-Marhum (Muhammad Rizal bin Yusof) (MJF, 3.8.1998) dan kedudukan Penama dalam Estet al-Marhum (Ramlan bin Hasan) (MJF, 16.11.1998). Iaitu, wang pampasan dikira *tarikah* dan Penama sebagai pengamanah.
- c) Fatwa 2007: Manakala fatwa 2007 pula, menetapkan bahawa *revocable nomination* (nominasi boleh dibatalkan) tidak dibenarkan manakala *irrevocable nomination* (nominasi tidak boleh dibatalkan) dibolehkan (MJF, 2007). Sebelum itu perlu dijelaskan dua jenis nominasi ini secara ringkas seperti berikut:
 - i. Nominasi trust (*irrevocable*): Ia merupakan nominasi di mana pemegang polisi hilang kuasa ke atas sebarang pulangan. Segala faedah pulangan, (*life benefits*) atau (*death benefits*) diberikan kepada penama. Sekiranya pemegang polisi insurans ingin membatalkan nominasinya, ia memerlukan izin daripada penama ataupun daripada pengamanah (*trustee*).
 - ii. Nominasi *revocable*: Ia merupakan sebuah nominasi di mana pemilik polisi masih mempunyai hak penuh untuk melakukan sebarang perubahan atau pembatalan kepada nominasi yang telah dilakukan dan juga ke atas pulangan sewaktu hidup. Sebarang pulangan (*life benefits*) akan diberikan kepadanya hanya pulangan selepas kematian (*death benefits*) sahaja yang akan diberikan kepada penama. Isu ini telah mendapat liputan meluas akhbar tempatan (Berita Harian Singapura, 7 April 2011).
- d) Fatwa 2012: Pada 2012, Jawatankuasa Fatwa mengkaji semula fatwa mengenai *revocable nomination* dan memberi fatwa baru bahawa hukum nominasi insurans dan CPF jenis ini dibolehkan. (MJF, 13 pada 2 Februari 2012). Sekalipun ianya tidak dibenarkan sebelum ini.

5.2 Keperluan Nominasi dalam Kehidupan

Fatwa sebelum ini tidak mengiktiraf nominasi *revocable* sama ada insurans atau CPF sebagai satu bentuk pemberian sehinggalah pada tahun 2007, JKF berpendapat bahawa *nominee* (penamaan) di dalam insurans merupakan satu instrumen yang dapat memenuhi keperluan masyarakat yang merancang untuk memberi hasil dari wang insurans mereka kepada orang-orang yang memerlukannya. Atas keperluan tersebut sebuah fatwa telah dikeluarkan pada tahun 2007 membenarkan pelaksanaan nominasi insurans hanya yang berbentuk *irrevocable* sahaja (MJF, 2007). Akan tetapi, pada bulan September 2009 satu pindaan ke atas Akta Insurans telah dibuat dan dikuatkuasakan pada 2010 yang membolehkan pemilik insurans secara umum membuat penamaan yang berbentuk *revocable*. Cuma, jika seseorang melakukan nominasi kepada suami/isteri atau anak-anaknya bagi sebuah plan insurans yang mempunyai perlindungan selepas kematian (*death benefit*), memperuntukkan bahawa nominasi sedemikian secara automatik menjadi trust (*irrevocable*) dan tidak boleh ditarik balik oleh pemegang polisi insurans mengikut Seksyen 73, Akta (CLPA, 2009). Kesan daripada pindaan tersebut, satu pindaan susulan (*consequential amendment*) juga berlaku terhadap Akta Pentadbiran Hukum Islam (AMLA) di bawah seksyen 111.³ Antara lain menetapkan bahawa seorang Muslim yang bermustautin di Singapura tidak boleh membuat sebarang nominasi insurans berbentuk *revocable* kecuali jika ia selari dengan madzhab fiqh yang dipegangnya. Pindaan AMLA ini dilakukan adalah berdasarkan kepada fatwa awal JKF 2007. Natijahnya, syarikat-syarikat insurans setempat meminta agar pemegang polisi insurans hayatnya yang beragama Islam mendapatkan pandangan MUIS sebelum melakukan nominasi *revocable*. Sebelum ini tidak ada peruntukan khas yang menyelaras pengurusan nominasi plan insurans. Sebarang nominasi yang dilakukan waktu itu hanya tertakluk di bawah peruntukan Conveyancing and Law of Property Act (CLPA, 1994), dan Co-operative Societies Act (CSA, 1979).

5.3 Faktor Penilaian Semula Fatwa

Terdapat beberapa faktor utama menyebabkan JKF menilai semula fatwa nominasi insurans yang dikeluarkan pada tahun 2007. Antara sebabnya adalah, keadaan setiap keluarga dan individu Muslim yang unik dan berubah-ubah memerlukan perancangan dan pembahagian harta yang rapi serta terdapat keterbatasan pada nominasi *irrevocable* (trust) ditambah lagi dengan adanya undang-undang baru yang membolehkan pemegang plan insurans mempunyai pilihan untuk tidak melakukan sebarang nominasi. Terdapat beberapa keadaan yang memerlukan individu melakukan nominasi, seperti mereka yang tidak mempunyai waris ataupun yang mempunyai tanggungan selain

³Teks Seksyen 111 seperti berikut : Disposition by will, etc., to be in accordance with Muslim law 111. — (1) Notwithstanding anything in the provisions of the English law or in any other written law, no Muslim domiciled in Singapore shall, after 1st July 1968, dispose of his property by will, or by any nomination under section 49M (2) of the Insurance Act (Cap. 142), except in accordance with the provisions of and subject to the restrictions imposed by the school of Muslim law professed by him.

pasangan dan anak-anak seperti ibu/bapa atau anak angkat. Ada juga yang menanggung anak yang cacat anggota atau mental, atau pengidap penyakit kronik yang memerlukan rawatan jangka masa panjang. Bagi individu-individu sebegini, keterbatasan yang terdapat pada nominasi trust tidak memberi jalan keluar kepada mereka mengatasi kepayahan yang dihadapi. Nominasi trust hanya boleh dilakukan kepada anak-anak dan suami/isteri sahaja. Bagi seorang pemegang polisi insurans yang belum berkahwin dan tidak mempunyai anak, ingin menamakan ibu, adik atau keluarga angkatnya, dia tidak boleh melakukan sedemikian dalam bentuk nominasi trust dia hanya boleh melakukan nominasi *revocable* bagi memenuhi keperluannya. Manakala, pulangan semasa hayat bagi perlindungan kesihatan atau kecelakaan hanya akan diberikan kepada penama dan bukan pemegang polisi. Ini kerana, ketetapan undang-undang menetapkan bahawa nominasi trust menyebabkan pemegang polisi hilang kuasa pemilikan terhadap kesemua pulangan. Pemegang polisi hanya bergantung kepada penama, itupun jika penama tidak menyalah gunakan wang tersebut. Tambahan lagi, nominasi ini tidak boleh diubah atau ditarik balik melainkan dengan izin penama atau pengamanah (*trustee*) polisi. Hal ini menyukarkan pemegang polisi sekiranya dia telah menamakan seseorang dan kemudiannya ingin menukarnya atas sebab-sebab tertentu seperti anak yang sudah berkemampuan dan berdikari atau setelah berlaku perceraian.

5.4 Kerumitan dan Sekatan Dalam (*Irrivocable Nomination*)

Selain kepayahan yang dihadapi masyarakat dan telah disebutkan sebelum ini, terdapat sebab-sebab lain fatwa *revocable* dikaji semula, antaranya adalah kerana terdapat sekatan-sekatan dalam nominasi *irrivocable*. Berikut dibawakan tiga kajian kes yang berlaku dan dilaporkan ke Pejabat Mufti, MUIS (Fatwa Factsheet, 2012).

- Ali membeli polisi insurans dan menamakan isteri sebagai penama di bawah Penamaan Amanah (*Trust Nomination*). Pasangan ini kemudian bercerai dan bekas isterinya berkahwin lagi. Apabila Ali mengalami kemalangan kereta, manfaat kehidupan (*life benefits*) telah dibayar kepada bekas isterinya. Beliau kemudian dimaklumkan bahawa beliau tidak boleh menukar atau membatalkan penamaan melainkan bekas isterinya bersetuju.
- Nur adalah seorang wanita tunggal usia lewat 40-an. Beliau merupakan pencari nafkah dalam keluarganya, membantu adiknya yang sedang belajar di universiti dan ibu yang sakit. Beliau ingin membuat penamaan dalam polisi insurans yang telah dibelinya atas nama adik dan ibunya. Namun, beliau diberitahu bahawa beliau hanya boleh membuat penamaan (*revocable nomination*) untuk adik dan ibunya.
- Rahimah adalah seorang ibu tunggal mempunyai seorang anak kurang upaya. Dia hanya mampu membeli satu jenis polisi insurans yang menyediakan kedua-dua faedah kematian dan hidup. Beliau ingin melantik Syarikat Amanah Keperluan Khas untuk memastikan bahawa hasil polisi beliau akan diuruskan dengan baik untuk keperluan anaknya selepas kematian beliau. Pada masa yang sama beliau juga ingin mengekalkan haknya ke atas faedah semasa hidup bila dia memerlukan. Natiujahnya, beliau tidak akan beroleh apa-apa faedah kerana nominasi jenis ini tidak boleh ditarik balik.

5.5 Perbandingan *Revocable* dan *Irrivocable*

Sebagai penjelasan lebih lanjut perbezaan antara kedua-dua jenis nominasi sila lihat rajah berikut:

Ciri	Nominasi trust (irrevocable)	Nominasi (revocable)
Pemegang polisi masih mempunyai kuasa ke atas polisi insuransnya setelah membuat nominasi	Tidak	Ya
Pihak yang akan mendapat pulangan sewaktu hidup dan pulangan setelah mati	Penama mendapat kedua-duanya sekali.	Pemegang polisi mendapat pulangan sewaktu hidup. Penama hanya mendapat pulangan setelah mati.
Perubahan pada nominasi	Tidak boleh. Pembatalan hanya boleh dilakukan jika semua penama setuju	Boleh.
Bukan suami/isteri dan anak-anak sebagai penama.	Tidak boleh. Hanya boleh meletakkan suami/isteri dan anak-anak, termasuk anak angkat	Boleh.
Penama meninggal sebelum memilih polisi.	Faedah pulangan menjadi milik penama.	Sekiranya hanya satu sahaja penama, maka nominasi terbatal. Sekiranya terdapat lebih daripada satu penama, bahagian penama yang meninggal akan dipindahkan kepada penama-penama yang lain.
Tuntutan hutang ketika mufliis ke atas pulangan insurans.	Ya, terdedah kepada tuntutan hutang	Tidak
Semua jenis insurans yang mempunyai faedah pulangan setelah mati (death benefits) boleh nominasi.	Tidak. Polisi insurans yang dibeli menggunakan wang simpanan CPF seperti DPS dan CPFIS tidak dibenarkan nominasi (trust).	Boleh, kecuali anuiti hayat di bawah skim (Minimum Sum CPF).

Perbandingan di atas menunjukkan bahawa nominasi *trust* mempunyai keterbatasan yang lebih daripada nominasi *revocable*. Antaranya, terdapat beberapa jenis insurans yang tidak boleh untuk dilakukan nominasi *trust*, seperti *Dependants' Protection Scheme*, (Skim Perlindungan Kekeluargaan) yang mana hampir setiap rakyat Singapura mempunyai skim sedemikian.

5.5 Persamaan Nominasi Insurans dan CPF

Dalam membuat semakan terhadap keputusan fatwa mengenai nominasi insurans yang berbentuk *revocable* 2007, JKF juga telah meneliti fatwa berkenaan nominasi CPF tahun 2010 dan meneliti ciri-ciri di antara keduanya. Menurut pemerhatian terhadap pelaksanaan fatwa *irrevocable* sejak tahun 2007, JKF mendapati ada persamaan di antara nominasi bagi akaun CPF dan nominasi *revocable* bagi plan insurans. Persamaan yang terkandung melibatkan akad nominasi itu sendiri, serta bentuk pulangan yang diterima. Di antara persamaan yang penting adalah:

- Kedua-dua jenis nominasi membolehkan pemegang akaun atau polisi untuk merubah atau menarik balik nominasi tersebut tanpa perlu mendapat keizinan dari mana-mana pihak terlebih dahulu atau menjejaskan hak milik ke atas akaun atau polisi tersebut
- Pulangan daripada kedua-dua CPF dan insurans boleh dimanfaatkan dengan cara yang sama. Bagi akaun CPF, pulangan sewaktu hayat akan diterima oleh pemegang akaun ketika mencapai usia pencen dan secara bulanan daripada akaun persaraan, manakala pulangan selepas mati akan diberikan kepada penama daripada wang baki CPF sekiranya ada. Bagi wang insurans pula, pulangan sewaktu hayat akan diberikan kepada pemegang polisi, manakala pulangan selepas kematian akan diterima oleh penama.
- Nominasi terbatal dengan kematian penama dan wang tersebut kekal menjadi hak milik pencarum dan pemegang polisi insurans tanpa perlu mendapatkan keizinan mana-mana pihak. Disebabkan dasar nominasi CPF telah melalui perubahan dan fatwa terkini mengenainya telah dikeluarkan pada tahun 2010 maka, pertimbangan atau *qiyas* dibuat oleh JKF bagi hukum nominasi insurans dengan dasar fatwa CPF 2010 yang menganggap nominasi CPF sebagai satu bentuk *hibah* kerana persamaan yang wujud di antara keduanya.

5.6 Persamaan Hibah dan Nominasi

Persamaan juga wujud di antara nominasi dan *hibah* yang menjadi pertimbangan fatwa berikutan penelitian mendalam terhadap nominasi insurans (*revocable*) oleh JKF dan syarat-syarat *hibah*, boleh dikatakan bahawa kesemua syarat *hibah* terlaksana kecuali penerimaan (*qabdh*) bagi pulangan *death benefits* wang insurans hanya berlaku selepas kematian pemegang polisi, sama seperti nominasi dalam wang CPF mengikut ketetapan undang-undang dan bukan kerana pemberi ingin menahan wang tersebut daripada diserahkan kepada penerima. Bagi JKF, mereka mendapati wujud persamaan di antara *hibah* dan nominasi dari beberapa aspek. Antaranya adalah, pemberi *hibah* berhak untuk menarik balik atau menukar *hibahnya*, selagimana tiada *qabdh* terhadap pemberiannya. Di dalam situasi nominasi insurans berbentuk *revocable*, sepertimana nominasi CPF, *qabdh* belum berlaku sebelum kematian si pencarum mengikut ketetapan undang-undang. *Qabdh* merupakan elemen paling penting dalam menentukan keesahan sesuatu *hibah*. Walau bagaimanapun, pandangan sesuatu mazhab *fiqh* mengenai kedudukan *qabdh* mempengaruhi kedudukan hukum lain dalam *hibah*. Dalam isu pembatalan *hibah*, bagi fuqaha yang berpendapat bahawa *qabd* adalah syarat lazim dalam *hibah*, maka *hibah* hanya boleh dibatalkan sebelum *qabd* (Nasrul Hisyam, 2009: 247-248). Ini dikukuhkan lagi dengan pendapat bahwa, pemilikan *mauhub* (pemberian) tidak dianggap sah selagi belum berlaku *qabdh* (Zuhayli, 1998: 4/19).

5.7 Keputusan Jawatankuasa Fatwa

Berikutan percanggahan yang berlaku di antara Akta Insurans 2009 dan AMLA serta kerumitan yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Pada 2012, JKF telah menilai semua fatwa mengenai nominasi *revocable* dan menetapkan bahawa, *revocable nomination* adalah sah dari sudut amalan dan wang yang diterima hendaklah diagihkan mengikut faraid. Status penama bagi nominasi jenis ini adalah sebagai wakil (pengamanah) sahaja. Manakala *irrevocable nomination* dikira sebagai satu pemberian *hibah* semasa hidup dan penama dalam insurans jenis ini berhak memperoleh bahagiannya mengikut nominasi yang telah dibuat untuknya" (Kumpulan Fatwa 2. 24/8/88. MUIS. Cetakan pertama. 1991. ms 22).

Keputusan ini berdasar prinsip bahawa, polisi insurans itu termasuk dalam harta pusaka (*tarikah*) si mati yang mesti dibahagikan kepada waris-waris mengikut hukum faraid. Penama (*nominee*) adalah selaku wakil atau pengamanah sahaja. Tambahan yang dilakukan kepada keputusan fatwa sebelum ini adalah, fatwa 1998 telah menetapkan status wang pulangan insurans sebagai *tarikah* yang perlu dibahagi-bahagikan kepada ahli waris (Soala Jawab Agama, 2012: 1-2). Terdapat persamaan antara fatwa 1971 dan 1998 dari dua sudut. Pertama, hasil daripada polisi insurans dianggap sebagai harta pusaka dan perlu diagihkan mengikut hukum faraid. Kedua, penama hanya sebagai pengamanah bagi faedah polisi insurans dan faedah tersebut perlu dikembalikan kepada ahli waris. Berdasarkan fatwa tersebut, dapat difahami bahawa penama dalam akad nominasi insurans dan CPF hanya dikira sebagai wakil (pengamanah) sahaja kepada pewaris, mereka tidak boleh memiliki harta tersebut melainkan jika mereka saorang pewaris (JKF, 3.8.1998, 16.11.1998, 2007).

Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa sistem nominasi sebegini boleh dianggap sebagai satu bentuk *hibah* kerana ia dilakukan sewaktu si pencarum CPF dan pemegang polisi insurans masih hidup. Apabila seorang pemegang polisi insurans melakukan sebuah nominasi secara rasmi, ia merupakan satu bukti jelas tentang kesungguhannya dan janjinya untuk memberi wangnya kepada penama. Dalam hal ini fuqaha' sepandapat mengatakan bahawa adalah wajib untuk menunaikan janji itu dari sudut agama kerana menepati janji itu adalah satu daripada ciri-ciri akhlak yang terpuji. Janji juga merupakan salah satu tanda kesempurnaan iman seseorang Muslim (Nasrul Hisyam, 2008: 3). Firman Allah SWT:

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah segala perjanjian-perjanjian.*

(al-Maidah: 5: 1)

dan firman-Nya lagi:

Terjemahan: *Dan tunaikanlah janji, sesungguhnya setiap janji itu akan dipersoalkan.*

(al-Isra': 17: 34).

Oleh itu, pada 2012 JKF memutuskan bahawa nominasi insurans berbentuk *revocable* ini adalah sebuah bentuk *hibah* kontemporari. Ia merupakan cara baru pengurusan harta yang sesuai dengan prinsip-prinsip Shara'. Walaupun cara ini tidak terdapat dalam penulisan dan karya para ulama' terdahulu, namun ia tetap dapat diterima. Ini adalah berdasarkan kaedah fiqh yang membenarkan ijtihad di dalam isu muamalat terutama perkara-perkara baru yang tidak terdapat perbincangan khusus mengenainya dalam khazanah Ilmu Fiqh Islam terdahulu. Ini dinyatakan oleh (Ibn Qayim al-Jauziy, 1973: 1/470; al-Shatibi, 2004: 399): "Hukum asal bagi akad adalah sah, kecuali apa yang dibatalkan ataupun dilarang oleh Shara'.

Kesimpulannya, JKF berpendapat bahawa hukum nominasi insurans berbentuk *revocable* dan hukum nominasi CPF adalah sama dan kedua-dua jenis nominasi tersebut merupakan pemberian (*hibah*) yang sah. Walau bagaimanapun, JKF tetap menasihati masyarakat untuk tidak melakukan nominasi dengan niat dan tujuan menzalimi ahli waris. Pada masa yang sama, setiap muslim juga berkewajipan memastikan bahawa segala hutang si mati dilunaskan terlebih dahulu sebelum menggunakan harta yang ditinggalkannya, sama ada melalui faraid, wasiat ataupun nominasi (MJF13, 2012).

5.8 Tujuan Fatwa Digubal

Tujuan fatwa dikeluarkan, selain mengelakkan masyarakat terbabit dalam pertelingkahan perundangan di antara waris faraid dan penama, fatwa bertujuan menetapkan hukum bagi akad nominasi yang dilakukan oleh pemegang polisi insurans ianya bukan menetapkan hukum wang insurans itu sendiri. Hukum wang insurans sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini merupakan suatu isu kontemporari dan para ulama' berbeza pendapat tentang kehalalan jenis-jenis insurans yang berbeza-beza. Masyarakat Islam digalakkan untuk meneliti dan memahami pendapat-pendapat ini di dalam menilai status insurans yang ingin mereka miliki serta keperluan kepada insurans tersebut. Bagi golongan yang berpegang kepada pendapat yang membolehkan jenis insurans tertentu, mereka boleh menjadikan fatwa sebagai panduan di dalam memilih jenis nominasi yang ingin mereka lakukan. Berdasarkan fatwa terkini 2012, wang insurans yang diterima oleh penama tidak lagi dianggap sebagai harta pusaka (*tarikah*) pemegang polisi yang perlu diagihkan kepada ahli waris mengikut hukum faraid. Namun, dari segi undang-undang wang daripada nominasi *irrevocable* tidak terlepas daripada tuntutan hutang maka itu JKF menasihatkan masyarakat Islam agar menyelesaikan saki baki hutang si mati terlebih dahulu.

6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa maqashid Syaria'ah (objektif Syari'ah) adalah untuk mencapai kemaslahatan manusia dunia akhirat dan menolak kerosakan daripada berlaku, asal tidak bercanggah secara jelas dengan dalil-dalil *qat'i*. Hal ini dapat dilihat dalam amalan nominasi insurans, sekalipun ulama' berbeza pendapat mengenai hukum insurans itu sendiri, sebahagian membenarkan berdasarkan keperluan manakala sebahagian lainnya berpendapat sebaliknya, disebabkan *syubhah* dan *gharar* dalam pengumpulan dana ataupun pelaburan.

Namun, JKF mengambil kira keperluan masyarakat yang mendorong seseorang merancang kewangan untuk diri dan masa depan keluarganya, disamping pilihan pelaburan terhad bagi yang berpendapatan sederhana dan sebahagian hanya mampu melakukan pelaburan dalam bentuk insurans. Semuanya ini menjadi pertimbangan JKF dalam menetapkan hukum, seperti nominasi insurans dikira sebagai satu instrumen yang dapat memenuhi keperluan masyarakat untuk memberi pulangan wang insurans kepada orang-orang tertentu, sama ada nominasi insurans berbentuk *irrevocable* atau *revocable*.

Berdasarkan keperluan tersebut, JKF mengaplikasi teori maqashid dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan demi mencari penyelesaian dengan mengkiyaskan nominasi dengan *hibah* kontemporari. Cara seperti ini dianggap adalah pengurusan harta baru, selari dengan prinsip Shara', sekalipun cara ini tidak terdapat dalam penulisan dan karya para ulama' terdahulu tetapi boleh diterima, berdasarkan kaedah fiqh yang membenarkan ijtihad di dalam isu muamalat, terutama perkara-perkara baru yang tidak terdapat nas *qath'i* (jelas) dalam al-Quran dan al-Sunnah atau perbincangan khusus mengenainya dalam khazanah Ilmu Fiqh Islam terdahulu.

Akhirnya, tujuan fatwa adalah untuk memudahkan masyarakat Islam memenuhi keperluan kewangan peribadi dan keluarga serta merancang kebajikan wang tanpa bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Dengan demikian, lebih ramai bilangan masyarakat Islam melakukan perancangan pengalihan harta berdasarkan keperluan masing-masing. Maka, tercapailah maqasid Syari'ah dalam ijtihad JKF MUIS menentukan hukum nominasi insurans demi kemaslahatan manusia.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim
 Abdul Karim Zaidan. (1990). al-Madkhal li al-Dirasat al-Syari'ah al-Islamiah, Beirut, Muassasah al-Risalah.
 al-Izz bin Abdul Salam. (t.t.). Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam, Beirut, Dar al-Ma'rifah.
 Amidi, al-. Ali bin Muhammad. (2003). Al-Ahkam fi Usul al-Ahkam, al-Riyadh: Dar al-Shami'ie.
 Ahmad al-Raisuni. (1992). Nazariyyat al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi, Beirut, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
 al-Shatibi, al-. Abu Ishaq Ibrahim. (1997). Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam (ed. Abu 'Ubaidah Mashhur Ibn Hasan Ali Salman). Dar Ibn 'Affan.
 Bukhari, al-. (1961). Sahih al-Bukhari. Jil. I. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
 Dailami, al-. 'Abd al-Wahhab bin Luthf. (1998). Dhawabith al-Fatwa fi Dhaw'i al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Manhaj al-Salaf al-Shalih. dlm. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. bil 11. jld. 2.
 Ghazali, al-. Abu Hamid Muhammad. (1993). Al-Mustasfa min 'ilm al-usul (ed. Muhammad 'Abd al-Salam 'Abd al-Safi). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 al-Ghazali, 1400. al-Mankhul, Tahqiq: Muhammad Hasan Hito, Beirut, Dar al-Fikr. ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. (2001). Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah. Amman: Dar al-Nafa'is.
 Ibn Qayim al-Jauziyyah. (1973). I'lam al-Muwaqqi'in, Beirut, Dar al-Jil. jld 1.
 Mohammad al-Tahir al-Misawi (1998). Ibn Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah, Kuala Lumpur, Al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi. Muhammad Fathi al-Duraini, 1997. al-Manahij al-usuliyyah, Beirut, Muassasah al-Risalah.
 Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2009). Elemen Qabd (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-Undang Islam. Jurnal Syariah, Jil 17, bil. 2 (2009) 243-266.
 Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2010). Hibah Dalam Undang-Undang Islam Prinsip & Amalan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. Pemakaian Prinsip Hibah Dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful. *Jurnal Teknologi*. 52, Mei 2010, 69-81 © Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2011). Janji Hibah: Analisis Mengikut Perspektif Undang Undang Islam dan Potensi Pelaksanaannya Sebagai Alternatif Kepada Penyelesaian Pusaka di Malaysia. *Jurnal Kanun*.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2008). Pemasukan Syarat 'Umra dan Ruqba dalam Kontrak Hibah: Satu Analisis Perbandingan. Prosiding International Seminar on Research in Islamic Studies 2008 (ISRIS'08), anjuran Universiti Malaya, 17-18 Disember, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nuruddin Mukhtar. (1998). al-Khadimi, al-Ijtihad al-Maqasidi, Qatar.
- Qaradawi, al-, Yusuf. (1408H). al-Ijtihad wa al-Tajdid baina al-Dhawabith al-Shar'iyah wa al-Hajat al-Mu'ashirah, Fiqh al-Da'wah Malamih wa Afaq. Qatar: Markaz al-Buhuth wa al-Ma'lumat.
- Qaradawi, al-. (2007). Dirasah fi fiqh maqāsid al-Sharī'ah: Bayna al-maqāsid al-kulliyah wa al-nusus aljuz'iyah. Al-Qaherah: Dar al-Shuruq.
- Qaradawi, al-, Yusuf. (1396). al-Ijtihad fi al-Syari'ah al-Islamiah. al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiah.
- Suhaimi b. Mustar. (2013). Keperluan Ijtihad Dalam Pengurusan Pewarisan Harta: Kajian Terhadap Amalan Nuzriah di Singapura. *Jurnal Teknologi*, 60.
- Suhaimi b. Mustar. (2013). Kedudukan Joint-Tenancy Dalam Undang-Undang Islam Dan Kepentingannya Dalam Pengurusan Pewarisan Harta Di Singapura. Prosiding Seminar Penyelidikan Kewangan dan Kehartaan Islam (SPEKKI) anjuran Universiti Malaya, 19-20 Februari, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Syahida Abdullah, Hafas Furqani. (2012). The Objectives of Shariah (Maqasid Shariah) in Takaful: Highlighting The Noble Practice. International Conference on Management, Economics and Finance (ICMEF 2012) Proceeding, 15-16 October, Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Yusuf Hamid al-Alim. (1991M). al-Maqasid al-Aamah li al-Syariah al-Islamiyyah, USA, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Zuhayli, al-, Wahbah. (1989). al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu. jld 5. Damsyik: Dar al-Fikr.
- _____. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. Jilid 2, No. 5; Jilid 1, No. 6. Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah
- _____. Administration of Muslim Law Acts, 1966 (Akta Pentadbiran Undang Undang Islam Singapura) Akta Pentadbiran Hukum Islam (Bab 3, Bahagian 32). Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura.
- _____. (2012). Factsheet Fatwa on Revocable Insurance Nomination. Singapore: Issued by Fatwa Committee of MUIS.
- _____. (2011). Panduan Bagi Muslim Membeli dan Memiliki Rumah HDB Secara Joint-Tenancy. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)
- _____. Kumpulan Fatwa 1. (1987). Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- _____. (2012). Soal Jawab Fatwa Yang Dinilai Semula Berkaitan Nominasi Insurans. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura.
- _____. Fail-Fail Fatwa. (1968-2006): Majlis Ugama Islam Singapura, MUIS.